

Latihan Objektif

- 1 Melalui Protokol Sempadan Perjanjian Bangkok 1909, Perlis kehilangan satu wilayah yang terletak utara Sungai Perlis kepada Siam iaitu
 - A Wilayah Sadao
 - B Wilayah Setul
 - C Wilayah Pujoh
 - D Wilayah Tabai
- 2 Protokol Sempadan Perjanjian Bangkok 1909 menyebabkan Kedah kehilangan wilayah. Sultan Kedah yang terkilan kerana tidak diajak berunding ialah
 - A Sultan Abdul Halim Muazam Shah
 - B Sultan Abdul Hamid Halim Shah
 - C Sultan Muhammad Jiwa
 - D Sultan Mahmood Shah
- 3 Mengapakah Sultan Zainal Abidin III tidak mengiktiraf Perjanjian Bangkok 1909?
 - I Tidak dibawa berunding
 - II Kedaulatan negeri tergugat
 - III Dipaksa menghantar bunga emas
 - IV Bercanggah dengan janji British
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
4. Apakah kesan daripada petempatan Kangcu di Johor
 - A. Pengasasan bandar Muar
 - B. Perluasan pengaruh British
 - C. Pengeluar utama lada hitam
 - D. Pemindahan pusat pentadbiran

Latihan Subjektif

5. Peta menunjukkan sempadan antara Siam dan Negeri-Negeri Melayu Utara (NNMU) berdasarkan Protokol Sempadan Perjanjian Bangkok 1909



a) Namakan lokasi X dan Y dalam gambar di atas

X :

Y :

Garis sempadan berdasarkan legeh dan sungai

Muara Sungai Perlis

Muara Kuala Tabal

b) Senaraikan dua kandungan protokol tersebut

ii.

c) Apakah kesan Protokol tersebut terhadap NNMU?

6. Tindakan NNMU menolak Protokol Sempadan adalah wajar.

Berikan hujah anda untuk menyokong pernyataan tersebut

7. Apakah kesan sistem Kangcu terhadap sistem ekonomi Johor?

Latihan Objektif

8. Apakah tuntutan Yamtuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhammad dalam Persidangan DURBAR di Kuala Lumpur pada tahun 1903?

- A Memberi perhatian kepada orang Melayu yang tiada tanah
- B Memberi perhatian kepada orang Melayu yang tiada pekerjaan
- C Bilangan pegawai Melayu dalam perkhidmatan kerajaan
- D Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi

9. Mengapakah Sultan Kelantan tidak bersetuju dengan perantikan J.S Mason sebagai Penasihat British?

- A Menggugat kedaulatan negeri
- B Menyekat aktiviti perdagangan
- C Mencabul adat istiadat Melayu
- D Menjejaskan hubungan dengan Siam

10. Apakah isi kandungan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor yang diisytiharkan pada 14 April 1895?

- I Raja dipilih melalui sistem giliran
 - II Cukai tanah dikuatkuasakan
 - III Islam sebagai agama rasmi
 - IV Raja mestilah berbangsa Melayu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

11. Mengapakah undang-undang berikut

- Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor
- Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu

- A. Menjamin keamanan negeri
- B. Memelihara kedaulatan negeri
- C. Menamatkan perebutan kuasa
- D. Mengukuhkan perpaduan rakyat

12. Gambar berikut menunjukkan Duli Yang Mulia Sultan Abu Bakar, pemerintah yang menyumbang kepada permodenan negeri Johor pada kurun ke-19.



Bagaimanakah Baginda menangani tekanan British?

- A Amalan Berdiplomasi
- B Mengadakan Perjanjian
- C Melantik pegawai barat dalam pentadbiran
- D Memperkenalkan perlembagaan negeri

Latihan Struktur

1. Apakah tuntutan Raja-Raja Melayu dalam Persidangan DURBAR berikut:-

Durbar di Pekan 1932



Durbar di Seri Menanti,
Negeri Sembilan 1939



- Sultan Iskandar Shah, Sultan Perak mendesak kuasa raja dan Majlis Negeri dikembalikan

- Sultan Hisamuddin Alam Shah, Sultan Selangor cadang penubuhan Girls College untuk meningkatkan pendidikan kaum wanita

14. Senaraikan Penasihat British yang dilantik di Negeri-negeri Melayu Utara selepas Perjanjian Bangkok 1909

NEGERI	PENASIHAT BRITISH
KEDAH	☐
PERLIS	☐
KELANTAN	☐
TERENGGANU	☐

W.G Maxwell

J.S. Mason

Meadow Frost

J.L. Humphreys
 **LIVEWORKSHEETS**

15. Gambar 1 dan Gambar 2 menunjukkan Undang-Undang Tubuh



Gambar 1: Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor



Gambar 2: Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu

a) Nyatakan kandungan perlembagaan tersebut


Guru perlu membimbing pelajar menjawab berdasarkan isi/fakta diberi

- b) Apakah sumbangan Undang-Undang Tubuh tersebut kepada kedua-dua kerajaan?

Guru perlu membimbing pelajar menjawab berdasarkan isi/fakta di bawah

Latihan Objektif

16. Rajah berikut menunjukkan sumbangan seorang tokoh di Johor.



Apakah X?

- A Mewajibkan pendidikan
- B Melukis peta negeri
- C Mendaulatkan bahasa
- D Menggubal perlembagaan

17. Apakah sumbangan Wan Mat Saman sebagai Perdana Menteri Kedah yang pertama?

- A Memodenkan sistem pengangkutan
- B Memperkenalkan pentadbiran baru
- C Menentang penjajahan
- D Memajukan pertanian

18. Senarai berikut merupakan pemimpin yang berwibawa di Johor.

- ✓ Dato' Jaafar bin Hj. Muhammad
- ✓ Dato' Abdul Rahman bin Andak

Apakah persamaan pemimpin tersebut?

- A Mengekalkan kedaulatan negeri
- B Memajukan sekolah Inggeris
- C Melaksanakan sistem kangcu
- D Menggubal perlembagaan negeri

19. D.K.K Haji Mohammad Arshad dilantik sebagai Ketua Anak Negeri dalam pentadbiran Syarikat Borneo Utara British (SBUB) di Sabah. Apakah tugas Ketua Anak Negeri?
- A Menjaga kebajikan buruh
 - B Mentadbir jabatan kerajaan
 - C Menjamin keamanan rakyat
 - D Menyelaras bidang pendidikan

20. Dato' Muhammad Ibrahim Munshi seorang tokoh yang telah berjasa kepada negeri Johor. Apakah sumbangan beliau?
- A Memartabatkan bahasa Melayu
 - B Menyekat kemaraan kuasa British
 - C Melukis peta pembangunan negeri
 - D Mewajibkan pendidikan semua rakyat

Latihan Struktur

21. Berikan dua kemajuan yang dilakukan oleh Long Jaafar di Larut?

i.

ii.

22. Apakah kepentingan Terusan Wan Muhammad Saman

pengeluar utama bijih timah

23. Nyatakan peranan yang dimainkan oleh Datuk Hakim Imam Haji Murshidi semasa pentadbiran Dinasti Brooke di Sarawak

Membina pusat pengajian agama dan sekolah Melayu Matang

24. Berikut adalah Logo Pasukan Rejimen Askar Melayu.



Apakah moto pasukan tersebut?

- A Taat Setia
- B Bersatu Bersetia
- C Bersetia Berkhimat
- D Bersekutu Bertambah Mutu